

Sidang DUN Negeri Sembilan

# Terima dana RM26.34j tangani wabak

**Seremban:** Kerajaan Pusat menyalurkan dana lebih RM26 juta kepada kerajaan Negeri Sembilan bagi membiayai kos operasi dan pengurusan menangani pandemik COVID-19, bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata daripada jumlah itu, RM6.84 juta disalurkan bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta stesen kuarantin berbanding RM4.4 juta pada tahun lalu melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

“Selain itu, RM9.56 juta diagihkan untuk operasi pusat pemberian vaksin (PPV), iaitu sehingga Ogos lalu RM6.5 juta sudah dibelanjakan selain RM10 juta pula disalurkan bagi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi dan pelaksanaan projek berskala kecil.

“Peruntukan itu susulan peningkatan kes yang mendadak dan meletakkan Negeri Sembilan dalam kedudukan lima teratas peningkatan kes harian untuk suatu tempoh sebelum ini.

“Dengan usaha dan komitmen berterusan, kita berjaya berliah ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara mulai 4 September lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi

menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Gemencheh) mengenai jumlah bantuan disalurkan kepada kerajaan negeri untuk membendung penularan COVID-19, pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan semalam.

Dalam pada itu, menjawab soalan tambahan Datuk L Manickam (BN-Jeram Padang) yang ingin tahu sama ada kerajaan

negeri akan mewujudkan PPV sementara khusus untuk warga asing, termasuk di ladang, Aminuddin berkata, perkara itu akan dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Sementara itu, bagi meringankan beban penggiat industri pelancongan mendepani penularan COVID-19, beliau berkata, sebanyak RM1.71 juta bantuan diperuntuk, termasuk membabitkan bantuan tunai sekali bayar kepada persatuan pelancongan negeri, rebat cukai taksiran dan lesen perniagaan.

Beliau menjawab soalan Datuk Tun Hairudin Abu Bakar (BN-Bagan Pinang) berkenaan insentif dirancang kerajaan negeri dalam membantu penggiat industri pelancongan di Negeri Sembilan, dalam berdepan kesan wabak itu. BERNAMA

“**Peruntukan itu susulan peningkatan kes yang mendadak dan meletakkan Negeri Sembilan dalam kedudukan lima teratas peningkatan kes harian untuk suatu tempoh sebelum ini**”

**Aminuddin Harun,  
Menteri Besar Negeri Sembilan**

